

27.6.2023

Siaran Media 2:

Mesyuarat Agung Tahunan ke-23 PBA Holdings Bhd (PBAHB)

**IR. PATHMANATHAN K.**  
 CEO, PBAHB dan PBAPP.

**PBAPP SEDANG BERSIAP SEDIA UNTUK MEMBEKAL LEBIH BANYAK AIR DI PULAU PINANG BERBANDING SEBELUM INI**

- **Permintaan air yang tinggi dan taburan hujan yang rendah memaksa PBAPP untuk mempercepatkan perancangan dan pembangunan projek bekalan air segera dengan nilai pelaburan berjumlah RM1.1836 bilion.**

PULAU PINANG, Selasa, 27.6.2023: Senario air Pulau Pinang pada tahun 2023 memaksa Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) untuk memberi tumpuan kepada pelaksanaan projek dengan jangkaan kos bernilai RM1.1836 bilion.

Dua faktor kebimbangan telah timbul pada tahun 2023:

1. Permintaan air yang tinggi, berkaitan dengan kemunculan semula semua aktiviti sosioekonomi dalam fasa endemik Covid-19, telah mendorong penggunaan air naik kepada purata 876 juta liter sehari (JLH) pada suku pertama 2023.
2. Kekurangan hujan 50% - 60% di kawasan tadahan air (KTA) Pulau Pinang, dalam tempoh dari 1.1.2023 hingga 31.5.2023, telah mengurangkan rizab Empangan Air Hitam dan Empangan Teluk Bahang pada tahun 2023.

Oleh yang demikian, PBAPP mesti menyegerakan pelaksanaan lapan (8) projek Pelan Kontingensi Air 2030 (WCP 2030) nya:

Projek	Sasaran siap	Unjuran pelaburan (RM juta)
1. LRA DAF Bukit Panchor ( <i>dissolved air flotation</i> ).	2023	<b>18.6</b>
2. Pakej 12A, LRA Sungai Dua (modul rawatan air tambahan).	2023	<b>31.0</b>
3. Saluran paip 1,800mm sepanjang 13.0km, dari LRA Sungai Dua ke Butterworth di Seberang Perai.	2024	<b>128.0</b>
4. Saluran paip 1,800mm sepanjang 3.9km dari kawasan Macallum ke Kompleks Kolam air dan Rumah Pam Bukit Dumar PBAPP di bahagian pulau, Pulau Pinang.	2024	<b>44.0</b>

5.	LRA Empangan Mengkuang	2025	<b>120.0</b>
6.	LRA Sungai Kerian	2027	<b>171.0</b>
7.	Skim Bekalan Air Sungai Perai (termasuk pra-rawatan air mentah)	2028	<b>500.0</b>
8.	LRA Sungai Muda	2028	<b>171.0</b>
		Jumlah	<b>1,183.6</b>

Manfaat utama projek WCP 2030 adalah:

- a. Menaik taraf kapasiti rawatan air dan air terawat PBAPP sebanyak 602 juta liter sehari (JLH) untuk memastikan bekalan air yang baik dan berterusan di semua 5 daerah di Negeri Pulau Pinang sehingga 2030.
- b. Penyelesaian isu bekalan air di Seberang Perai Selatan (SPS) sehingga 2030.
- c. Meneroka 3 sumber air mentah harian alternatif iaitu Empangan Mengkuang yang Diperbesarkan (EMD), Sungai Perai dan Sungai Kerian.
- d. “Memanjangkan masa” bagi Pulau Pinang sehingga pelaksanaan “Projek Air Pulau Pinang – Perak” sebelum 2030.

**Harap maklum bahawa projek WCP 2030 PBAPP tidak bertujuan untuk menggantikan Sungai Muda.**

Kita masih perlu terus mengabstrak lebih 1,000 MLD air mentah daripada Sungai Muda, sumber air mentah utama Pulau Pinang.

**Projek WCP 2030 secara spesifik akan memenuhi permintaan air Pulau Pinang sehingga 2030**, bagi menyokong visi “Penang 2030” Kerajaan Negeri.


#### Penggunaan Air yang Tinggi

Sejak pengkorporatan PBAPP pada tahun 1999, penggunaan air Pulau Pinang telah meningkat sebanyak 61.9%, daripada 536 juta liter sehari (JLH) pada tahun 1999 kepada 868 JLH pada tahun 2022.

Pada suku pertama 2023 (Januari – Mac 2023), penggunaan meningkat lagi kepada 876 JLH.


**Penggunaan air yang tinggi di Pulau Pinang didorong terutamanya oleh penggunaan air domestik yang tinggi.** Pada 2022, penggunaan domestik menyumbang kira-kira 61.6% daripada jumlah penggunaan air di Pulau Pinang pada 2022 (kira-kira 534 JLH daripada 868 JLH).

Jumlah Penggunaan Air di Pulau Pinang (juta liter/hari - JLH)



Dari segi penggunaan domestik per kapita, data PBAPP menunjukkan bahawa terdapat juga peningkatan sebanyak 20.4% dalam tempoh 23 tahun, daripada 255 liter/kapita/hari (LKH) pada tahun 1999 kepada 307 LKH pada tahun 2022.

Pulau Pinang: Penggunaan Domestik Per Kapita (liter/kapita/hari - LKH)



## Taburan Hujan Rendah di Kawasan Tadahan Air Empangan


Sementara itu, status terkini 3 empangan utama Pulau Pinang adalah seperti berikut:

Empangan	Kapasiti Efektif 1.1.2023	Kapasiti Efektif 24.6.2023
1. Empangan Air Itam	82.5	<b>52.8%</b>
2. Empangan Teluk Bahang	64.0	<b>44.6%</b>
3. Empangan Mengkuang yang Diperbesarkan (EMD)	87.7	<b>88.7%</b>


Sila ambil perhatian bahawa Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang adalah “empangan harian”, yang melepaskan air mentah setiap hari untuk menghasilkan air terawat di LRA Air Itam, LRA Batu Ferringhi dan LRA Guillemard. Buat masa ini, EMD ialah “empangan strategik kemarau” yang menyimpan air dan hanya dilepaskan untuk kegunaan di LRA Sungai Dua apabila PBAPP tidak dapat mengabstrak air mentah yang mencukupi daripada Sungai Muda.

Seperti yang ditunjukkan dalam jadual di atas, kapasiti efektif Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang tidak mencapai 100% pada awal tahun 2023, disebabkan oleh hujan yang rendah di kawasan tadahan air (KTA) empangan ini sejak 2022, yang dikaitkan dengan perubahan iklim.

**Pada tahun 2023, PBAPP terus mencatatkan hujan yang luar biasa rendah di KTA:**



Taburan Hujan di KTA Empangan Teluk Bahang (Jan - Mei)  
dalam mm



Dalam tempoh 5 bulan pertama tahun ini, kami merekodkan sejumlah 342.5mm hujan di KTA Empangan Air Itam. Jumlah hujan ini adalah **59.9% kurang daripada purata 5 tahun pada 853.5mm.**

Dalam tempoh yang sama, kami merekodkan sejumlah 723mm hujan di Empangan Teluk Bahang WCA. Jumlah hujan ini adalah **50.4% kurang daripada purata 5 tahun pada 1458.1mm.**

### Kesimpulan

Secara ringkasnya, **PBAPP sedang bersiap sedia untuk membekalkan lebih banyak air berbanding sebelum ini dalam sejarah Pulau Pinang.**

Sebagai operator bekalan air yang bertanggungjawab, PBAPP tidak merancang untuk catuan air di Pulau Pinang. Sebaliknya, kami merancang dan melaksanakan projek untuk mengelakkan catuan air, dengan sebaik mungkin.

Walau bagaimanapun, ada harga yang perlu dibayar: Jumlah pelaburan sebanyak RM1.1836 bilion untuk projek WCP 2030 perlu diperolehi; dan ia berkemungkinan akan memberi kesan kepada tarif air di Pulau Pinang pada masa hadapan.

Apa yang dapat dilakukan oleh PBAPP juga ada hadnya: Projek Pembesaran Empangan Mengkuang (MDEP) yang masih tidak lengkap hanya boleh disiapkan oleh Kerajaan Persekutuan dengan baki peruntukan daripada geran asal Persekutuan RM1.2 bilion.

Melihat kepada senario bekalan air di Pulau Pinang kini, **pengguna air juga perlu memainkan peranan penting.** Mereka harus menyahut seruan untuk “jimat air” yang dibuat oleh Ketua Menteri Pulau Pinang YAB Tuan Chow Kon Yeow ketika Hari Air Sedunia di Empangan Air Itam pada 21.5.2023.

**Sila kurangkan penggunaan air domestik di Pulau Pinang sebanyak 20%** untuk memastikan kita tidak kehabisan air sebelum musim hujan tiba pada bulan September.

Untuk tip jimat air, sila lawati: [www.pba.com.my](http://www.pba.com.my)

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)